

04 JUN 1998

Anwar-Osu

OSU MULA TUGAS TIMBALAN KETUA MENTERI SABAH ISNIN

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Haji Sukam akan mengambil alih tugas Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah mulai Isnin ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Perdana Menteri setuju supaya Osu Sukam ambil alih jawatan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah berkuatkuasa Isnin ini," katanya kepada pemberita di Kementerian Kewangan hari ini selepas mengumumkan butiran mengenai Pengurusan Dana Harta Nasional (Danaharta) yang sebelum ini dikenali sebagai Syarikat Pengurusan Aset (AMC).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini dalam rangka lawatan ke Jepun.

Bila ditanya siapa yang akan menggantikan Osu sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Anwar berkata: "Itu hak Perdana Menteri."

Anwar berkata Osu akan meletakkan jawatan sebagai menteri sebelum pagi Isnin.

Osu, 49, akan mengisi jawatan itu yang dikosongkan oleh Datuk Ghapur Salleh yang enggan dilantik semula.

Osu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah selain menjadi Anggota Parlimen Papar, Anggota Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Kawang dan anggota Majlis Tertinggi Umno.

Beliau dilantik Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi pada 1994 bagi menggantikan Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun), yang dilantik Ketua Menteri Sabah.

Osu dikekalkan dalam jawatan kabinetnya selepas pilihan raya umum 1995. Beliau juga pernah menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Timbalan Menteri Kerja Raya.

Beliau akan menjadi seorang daripada tiga Timbalan Ketua Menteri di bawah Ketua Menteri yang baru dilantik, Tan Sri Bernard Dompok.

-- BERNAMA

ARA MAI